
Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 13 Mei 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PRESTASI EKONOMI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN PERTAMA 2022

KDNK Malaysia berkembang 5.0% disokong oleh pengukuran permintaan domestik pada suku tahun pertama 2022

PUTRAJAYA, 13 Mei 2022 – Jabatan Perangkaan Malaysia hari ini telah menerbitkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi suku tahun pertama 2022. KDNK Malaysia terus berkembang 5.0 peratus berbanding 3.6 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi terma pelarasan musim, KDNK menyederhana kepada 3.6 peratus (ST4 2021: 4.6%) pada suku tahun ini. Di samping itu, prestasi ekonomi bulanan menunjukkan pertumbuhan yang lebih baik dari Januari hingga Mac 2022. Prestasi KDNK pada Januari 2022 bertumbuh 4.3 peratus seterusnya pertumbuhan ini masing-masing meningkat kepada 5.2 peratus dan 5.4 peratus pada Februari dan Mac 2022. Daripada kedudukan ekonomi semasa, prestasi ekonomi pada suku tahun pertama 2022 telah melepassi paras suku tahun pertama 2019 sebanyak 5.2 peratus atau RM17.9 bilion.

Prestasi ekonomi terus meningkat pada suku tahun ini seiring dengan pertumbuhan kukuh dalam sektor Perkhidmatan. Ini disokong oleh penggunaan isi rumah yang lebih tinggi berikutan peningkatan tahap keyakinan pengguna. Di samping itu, pemulihan berterusan dalam pasaran tenaga buruh dan pengembangan dari sektor perdagangan luaran telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi walaupun dalam persekitaran yang mencabar terutamanya inflasi dan gangguan rantaian bekalan global.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Prestasi ekonomi pada suku tahun pertama 2022 dari segi penawaran adalah dipacu oleh pertumbuhan berterusan sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian. Dari segi permintaan pula, pertumbuhan disokong oleh pengembangan dalam Perbelanjaan penggunaan isi rumah dan pemulihan dalam Pembentukan modal tetap kasar pada suku tahun ini".

Beliau menyatakan bahawa, “Dari segi prestasi sektoral, sektor **Perkhidmatan** terus menjadi pendorong utama dengan pertumbuhan kukuh sebanyak 6.5 peratus (ST4 2021: 3.2%). Pengembangan ini didorong oleh pertumbuhan ketara dalam subsektor utama seperti Pengangkutan & penyimpanan, Perdagangan borong & runcit dan Makanan & minuman. Walau bagaimanapun, Kewangan merosot 2.1 peratus (ST4 2021: 1.2%) pada suku tahun ini. Keseluruhan sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 5.5 peratus (ST4 2021: 5.1%) bagi terma pelarasan musim”.

Sektor **Pembuatan** meningkat 6.6 peratus (ST4 2021: 9.1%) pada suku tahun pertama 2022. Prestasi memberangsangkan ini didorong oleh subsektor utama iaitu Produk elektrik, elektronik & optikal pada 15.4 peratus (ST4 2021: 16.4%), Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka pada 5.3 peratus (ST4 2021: 5.8%) dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan pada 6.6 peratus (ST4 2021: 5.6%). Walau bagaimanapun, Produk petroleum, kimia, getah dan plastik menyusut 0.5 peratus (ST4 2021: 6.5%) pada suku tahun ini. Selain itu, sektor ini bertumbuh 1.8 peratus (ST4 2021: 6.6%) bagi terma pelarasan musim.

Sektor **Pertanian** meningkat marginal 0.2 peratus berbanding 2.8 peratus pada suku tahun sebelumnya. Prestasi ini dipengaruhi oleh subsektor Kelapa sawit, Perikanan dan Ternakan yang masing-masing bertumbuh 3.9 peratus (ST4 2021: 4.8%), 3.5 peratus (ST4 2021: -0.5%) dan 1.5 peratus (ST4 2021: 0.2%). Namun begitu, Getah merosot 18.6 peratus (ST4 2021: -18.8%) pada suku tahun pertama 2022. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini mencatatkan penurunan 3.2 peratus (ST4 2021: 1.7%).

Sebaliknya, sektor **Perlombongan & pengkuarian** terus merosot 1.1 peratus daripada penurunan marginal 0.6 peratus pada suku tahun sebelumnya. Kejatuhan ini diterajui oleh subsektor Minyak mentah dan kondensat yang menyusut 7.4 peratus (ST4 2021: -6.6%). Walau bagaimanapun, Gas asli bertumbuh 3.3 peratus (ST4 2021: 3.4%) pada suku tahun ini. Sektor ini merekodkan pemulihan 2.9 peratus (ST4 2021: -1.6%) bagi terma pelarasan musim.

Sektor **Pembinaan** menurun 6.2 peratus berbanding penguncutan ketara 12.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Prestasi ini dipengaruhi oleh penurunan 16.1 peratus (ST4 2021: -18.8%) dalam subsektor Kejuruteraan awam dan 15.3 peratus (ST4 2021: -24.4%) dalam Bangunan kediaman. Namun begitu, Bangunan bukan kediaman dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas masing-masing meningkat 0.9 peratus (ST4 2021: -12.1%) dan 10.4 peratus (ST4 2021: 9.2%). Tambahan pula, sektor Pembinaan menokok 8.9 peratus (ST4 2021: -1.9%) bagi terma pelarasan musim.

Mengulas lanjut dari segi permintaan, Ketua Perangkawan Malaysia berkata “**Perbelanjaan penggunaan akhir swasta** mencatatkan pertumbuhan lebih kukuh 5.5 peratus (ST4 2021: 3.7%) pada suku tahun pertama 2022. Bagi terma pelarasan musim, prestasi keseluruhan Perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat

4.6 peratus (ST4 2021: 4.3%). Peningkatan ini disumbang oleh pertumbuhan dua-digit dalam penggunaan Komunikasi (11.8%) dan Restoran & hotel (10.9%). Disamping itu, Pengangkutan (8.9%) dan Makanan & minuman bukan alkohol (4.6%) juga bertumbuh pada suku tahun ini”.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) atau pelaburan aset tetap merekodkan marginal positif sebanyak 0.2 peratus (ST4 2021: -3.0%) pada suku tahun ini dipengaruhi oleh pertumbuhan dua digit dalam Jentera & peralatan (12.0%). Peningkatan PMTK secara berperingkat ini dapat dilihat sebagai pemangkin keupayaan ekonomi yang lebih tinggi untuk meningkatkan pengeluaran output pada masa hadapan. Sebaliknya, Struktur dan Aset lain telah menjaskan prestasi keseluruhan PMTK dengan mencatatkan penurunan masing-masing sebanyak 7.9 peratus dan 0.9 peratus. PMTK mengikut sektor menunjukkan peningkatan marginal 0.4 peratus dalam sektor Swasta, manakala sektor Awam menunjukkan penurunan sebanyak 0.9 peratus pada suku tahun pertama 2022. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini mencatatkan kenaikan 5.0 peratus (ST4 2021: 4.4%) .

Perbelanjaan pengunaan akhir kerajaan meningkat sebanyak 6.7 peratus (ST4 2021: 1.6%) dipacu oleh perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan. Selain itu, sektor ini pulih 7.4 peratus (ST4 2021: -3.8%) bagi terma pelarasan musim.

Ketua Perangkawan turut menyatakan bahawa “**Eksport** menyederhana 8.0 peratus (ST4 2021: 13.0%) dipengaruhi oleh Eksport barang yang meningkat 7.1 peratus (ST4 2021: 12.9%). Sebaliknya, **Import** bertumbuh lebih kukuh 11.1 peratus (ST4 2021: 14.5%) berikutan prestasi yang lebih baik dalam import barang pada 11.3 peratus (ST4 2021: 15.2%). Ini menyebabkan penguncutan 26.5 peratus dalam **Eksport bersih** berbanding 0.8 peratus pada suku tahun sebelumnya”.

Secara keseluruhan, momentum ekonomi Malaysia sedang meningkat dan dijangka memainkan peranan penting dalam membentuk ekonomi negara pada bulan-bulan akan datang. Berdasarkan indikator Indeks Pelopor (IP), merekodkan peningkatan yang menunjukkan pemulihan ekonomi Malaysia kekal utuh. Ini sejajar dengan kadar pertumbuhan indikator ekonomi utama yang konsisten seperti guna tenaga dan dagangan luaran.

Ketua Perangkawan merumuskan bahawa keseluruhan momentum prestasi ekonomi Malaysia semakin meningkat dan dijangka pulih secara berterusan sepanjang tahun 2022 apabila negara beralih ke fasa endemik. Tambahan pula, kelonggaran sekatan dan pembukaan semula sempadan antarabangsa yang diumumkan pada 1 April 2022, akan menggalakkan penglibatan aktiviti sosial dan dijangka membawa kesan yang lebih baik kepada ekonomi.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari

1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan <https://bit.ly/PocketStats>.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA


13 MEI 2022

Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), ST1 2019 – ST1 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Pertumbuhan KDNK Bulanan pada Harga Malar 2015




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 3: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan dan Tahunan pada Harga Malar 2015




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, ST4 2021 & ST1 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 5: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Perbelanjaan, ST4 2021 & ST1 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 6: Pertumbuhan KDNK Bulanan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, Jan 2022 – Mac 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 7: KDNK Pelarasian Musim (Perubahan Peratusan dari Suku Tahun Sebelumnya), ST2 2015 – ST1 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 8: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Nominal, ST1 2019 – ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 9: Pendapatan Negara Kasar (PNK) Per Kapita, ST1 2019 – ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Friday, 13th May 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

FOR MALAYSIA ECONOMIC PERFORMANCE FIRST QUARTER OF 2022

Malaysia's GDP expanded 5.0% underpinned by stronger domestic demand in the first quarter of 2022

PUTRAJAYA, 13 May 2022 – The Department of Statistics Malaysia released the Gross Domestic Product (GDP) for the first quarter of 2022 today. Malaysia's GDP expanded further 5.0 per cent as compared to 3.6 per cent in the previous quarter. In terms of seasonally adjusted, GDP moderated at 3.9 per cent (Q4 2021: 4.6%) in this quarter. Correspondingly, the monthly economic performance showed a better growth from January to March 2022. GDP performance in January 2022 grew 4.3 per cent, risen to 5.2 per cent and 5.4 per cent in February and March respectively. From the current economic standing, the economic performance for the first quarter of 2022 has surpassed the level of first quarter 2019 by 5.2 per cent or RM17.9 billion.

The economic performance increased further in this quarter in tandem with a robust growth in Services sector. This was supported by higher household consumption which reflected from the improvement of consumers' confidence level. Moreover, further recovery in labour market and continued expansion on external front has led to the economic growth despite of challenging environment especially inflation and global supply chain disruption.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The economic performance in the first quarter of 2022 on the supply side was driven by the continuous growth of Services, Manufacturing and Agriculture sectors. On the demand side, the growth was underpinned by the expansion in the households consumption expenditure and a turn around in gross fixed capital formation in this quarter".

He added that, "In terms of sectoral performance, the **Services** sector continued to be the main impetus with a robust growth of 6.5 per cent (Q4 2021: 3.2%). The expansion was fuelled by stronger growth in major sub-sectors, such as Transportation & storage, Wholesale & retail trade and Food & beverage. Nevertheless, Finance descended

2.1 per cent (Q4 2021: 1.2%) in this quarter. The overall Services sector expanded by 5.5 per cent (Q4 2021: 5.1%) in terms of seasonally adjusted”.

The **Manufacturing** sector elevated 6.6 per cent (Q4 2021: 9.1%) in the first quarter of 2022. The favourable performance was mainly driven by major sub-sectors namely Electrical, electronic & optical products at 15.4 per cent (Q4 2021: 16.4%), Non-metallic mineral products, basic metals & fabricated metal products at 5.3 per cent (Q4 2021: 5.8%) and Wood products, furniture, paper products and printing at 6.6 per cent (Q4 2021: 5.6%). Nevertheless, Petroleum, chemicals, rubber & plastics products declined 0.5 per cent (Q4 2021: 6.5%) in this quarter. Additionally, this sector grew 1.8 per cent (Q4 2021: 6.6%) in terms of seasonally adjusted.

The **Agriculture** sector rose marginally 0.2 per cent, as compared to 2.8 per cent in the preceding quarter. The performance was influenced by the Oil palm, Fishing and Livestock sub-sectors, which grew 3.9 per cent (Q4 2021: 4.8%), 3.5 per cent (Q4 2021: -0.5%), and 1.5 per cent (Q4 2021: 0.2%), respectively. However, Rubber dropped 18.6 per cent (Q4 2021: -18.8%) in the first quarter of 2022. In terms of seasonally adjusted, this sector registered a decline of 3.2 per cent (Q4 2021: 1.7%).

On the contrary, the **Mining and quarrying** sector further decreased 1.1 per cent from a marginal decline of 0.6 per cent in the preceding quarter. The downturn was led by the Crude oil and condensate sub-sector, which contracted to 7.4 per cent (Q4 2021: -6.6%). Nonetheless, Natural gas increased 3.3 per cent (Q4 2021: 3.4%) in this quarter. This sector rebounded to 2.9 per cent (Q4 2021: -1.6%) in terms of seasonally adjusted.

The **Construction** sector decreased 6.2 per cent as compared to a strong contraction of 12.2 per cent in the previous quarter. The performance was attributed to a decline of 16.1 per cent (Q4 2021: -18.8%) in Civil engineering and 15.3 per cent (Q4 2021: -24.4%) in Residential building subsectors. Nevertheless, Non-residential buildings and Specialised construction activities increased 0.9 per cent (Q4 2021: -12.1%) and 10.4 per cent (Q4 2021: 9.2%), respectively. In addition, the Construction sector grew 8.9 per cent (Q4 2021: -1.9%) in terms of seasonally adjusted.

Commenting further on the demand side, the Chief Statistician Malaysia stated that “**Private final consumption expenditure** posted a stronger growth of 5.5 per cent (Q4 2021: 3.7%) in the first quarter of 2022. In terms of seasonally adjusted, the overall performance of Private final consumption expenditure increased 4.6 per cent (Q4 2021: 4.3%). This growth was attributed to a double-digit growth in consumption for Communication (11.8%) and Restaurants & hotels (10.9%). Besides that, Transport (8.9%) and Food and non-alcoholic beverages (4.6%) also edged up in this quarter”.

Gross fixed capital formation (GFCF) or investment on fixed assets recorded a marginal positive of 0.2 per cent (Q4 2021: -3.0%) in this quarter that was influenced by the double-digit growth in Machinery & equipment (12.0%). The gradual improvement of

GFCF can be seen as a catalyst for higher economic capacity to uplift the production of the future output. Conversely, Structure and Other assets has weighed down the overall GFCF performance by registering a decline of 7.9 per cent and 0.9 per cent, respectively. GFCF by sector, indicates a marginal increase of 0.4 per cent in Private sector, whereas Public sector showed a decrease of 0.9 per cent in the first quarter of 2022. In terms of seasonal adjusted, this sector registered an increase of 5.0 per cent (Q4 2021: 4.4%).

Government final consumption expenditure accelerated by 6.7 per cent (Q4 2021: 1.6%) led by spending on supplies and services. Moreover, this sector rebounded to 7.4 per cent (Q4 2021: -3.8%) in terms of seasonally adjusted.

*He also mentioned that “**Exports** moderated 8.0 per cent (Q4 2021: 13.0%) influenced by Exports of goods which eased 7.1 per cent (Q4 2021: 12.9%). On the other hand, **Imports** grew stronger 11.1 per cent (Q4 2021: 14.5%) following better performance in import of goods at 11.3 per cent (Q4 2021: 15.2%). This has resulted a contraction of 26.5 per cent in **Net exports** as compared to 0.8 per cent in the preceding quarter.*

Overall, Malaysia's economy prospect is picking up momentum and anticipating to play a pivotal role in shaping the national economy in the coming months. Leading Index (LI) recorded an upward trend indicating that Malaysia's economic recovery remained intact. This is in line with the consistent growth rate of the key economic indicators such as employment and external trade.

The Chief Statistician concluded that Malaysia's overall economic performance is picking up momentum and is anticipated to recover gradually throughout 2022 as the country transitions to an endemic phase. Furthermore, the relaxation of restrictions and reopening of borders announced on 1st April 2022, would encourage social engagement activities and expected to lead better impact on the economy.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by the selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link <https://bit.ly/PocketStats>.

Released by:


THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

13 MAY 2022


APPENDIX 1

Chart 1: Gross Domestic Product (GDP), Q1 2019 – Q1 2022



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 2: Monthly GDP Growth at Constant 2015 Prices




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 3: Quarterly and Annual GDP Growth at Constant 2015 Prices




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 4: Quarterly GDP Growth by Kind of Economic Activity, Q4 2021 & Q1 2022




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 5: Quarterly GDP Growth by Type of Expenditure, Q4 2021 & Q1 2022




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 6: Monthly GDP Growth by Kind of Economic Activity, Jan 2022 – Mar 2022




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 7: Seasonally Adjusted GDP (Percentage Change from Preceding Quarter), Q2 2015 – Q1 2022




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 8: Nominal Gross Domestic Product (GDP), Q1 2019 – Q1 2022



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 9: Gross National Income (GNI) Per Capita, Q1 2019 – Q1 2022



Source: Department of Statistics Malaysia